

A.S. Melihat Sumber Semula Jadi Sebagai Alat Untuk Memerangi Perubahan Iklim

Oleh Stephen Kaufman

Penulis Staf

Washington – Di bawah pimpinan Presiden Obama, Amerika Syarikat sedang memperbaharui cara pengurusan sumber alam semula jadinya untuk menunjukkan komitmennya menghadapi perubahan iklim, Setiausaha Dalam Negeri A.S. Ken Salazar memberitahu delegasi di Persidangan Perubahan Iklim PBB di Copenhagen.

Di dalam ucapan pada 10 Disember, Salazar berkata presiden A.S. sedang memimpin negara “keluar daripada kegelapan dasar tenaga yang gagal kepada kebangkitan baru ekonomi tenaga bersih,” yang dia sifatkan sebagai “industri yang paling menarik dan industri pertumbuhan terpenting dunia.” Cabaran ini akan membawa manfaat ekonomi dan alam sekitar, ujarnya.

“Kami membawa perubahan ini kerana A.S. tidak boleh ketinggalan dalam teknologi tenaga yang akan membentuk abad ini,” kata Salazar. “Kita tidak mampu membelanjakan berbilion wang setiap tahun untuk mengimport minyak – atau mengambil risiko bergantung kepada minyak bagi keselamatan nasional kita.”

Selain itu, perubahan iklim sedang memberi kesan kepada seluruh benua Amerika. “Ia membuatkan kemarau semakin kering dan panjang, banjir lebih bahaya dan ribut lebih teruk,” katanya.

Jabatan Dalam Negeri yang diketuai oleh Salazar memantau penggunaan sumber semula jadi A.S. Salazar berkata dia dan kakitangannya sedang mencari jalan untuk menguruskan sumber negara sebagai pengeluar tenaga bersih, pemerangkap karbon dioksida, dan “penebat terhadap kesan kenaikan ombak dan perubahan cuaca.”

Sumber tenaga yang diperbaharui, seperti turbin angin di pantai Atlantik A.S., berpotensi untuk menghasilkan 1,000 gigawat tenaga, yang menurut Salazar “lebih besar daripada penggunaan elektrik negara.” Terdapat juga “potensi tenaga solar yang besar di gurun-gurun Barat daya,” serta potensi tenaga geothermal dan cara untuk meningkatkan pengeluaran kuasa hidro di dalam Amerika Syarikat, katanya.

Dengan projek solar dan angin, “lebih daripada 5,300 megawat kapasiti baru boleh dibangunkan menjelang tahun 2010 – cukup untuk memberikan kuasa kepada hampir 1.6 juta rumah,” kata Salazar yang menambah pembinaan tersebut juga akan mewujudkan lebih daripada 48,000 pekerjaan.

Jika Amerika Syarikat “memanfaatkan sepenuhnya potensi tenaga angin di darat mahu pun berdekatan pantai,” Salazar meramalkan pada tahun 2030 tenaga angin akan mampu menghasilkan sebanyak 20 peratus daripada bekalan elektrik AS dan pada masa yang sama mewujudkan suku juta pekerjaan.

Salazar berkata jabatan Penyiasatan Geologi A.S., yang merupakan satu daripada jabatannya, sedang menyiasat sama ada karbon dioksida boleh diperangkap dan disimpan di bawah tanah. Jabatan ini juga bekerja dengan para saintis dari Jabatan Pertanian AS untuk menilai seberapa banyak karbon dioksida dapat diserap oleh tanaman dan tanah.

Tanpa mengambil kira negeri Alaska atau Hawaii, para penyelidik menemui hampir 90 bilion tan metrik karbon dioksida “atau sama dengan lebih kurang 50 tahun pengeluaran karbon dioksida A.S. pada tahap sekarang” yang tersimpan. Ekosistem daratan A.S. menyerap karbon dioksida sama seperti lebih kurang 30 peratus pengeluaran karbon dioksida bahan bakar fosil A.S., kata Salazar.

Penemuan ini “menunjukkan bahawa tanah A.S. memainkan peranan penting dalam pengeluaran karbon.” Ini diterjemahkan kepada keperluan memulihkan ekosistem dan melindungi beberapa kawasan daripada pembangunan dan penebangan hutan, dia berkata.

Setiausaha dalam negeri itu berkata pentadbiran Obama telah menyemai “benih-benih bagi ekonomi tenaga bersih” di Amerika Syarikat dalam 11 bulan pertama pemerintahannya. Menjelang tahun 2010, akan terdapat “kilang solar baru yang dibina di gurun, turbin angin baru yang berputar di padang rumput, dan peralatan dan teknologi baru yang digunakan di seluruh dunia,” katanya.